

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu pengetahuan dan asas kepada tamadun Islam. Ia berkembang di dunia antarabangsa selari dengan perkembangan agama Islam dan digunakan secara meluas sebagai media dakwah, politik, perdagangan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Penggunaan bahasa Arab tidak terbatas di Semenanjung Tanah Arab sahaja, malah sampai ke Afrika Utara, Syria, Palestin, Andalus, Parsi, India, Asia Tengah dan Asia Tenggara apabila Islam mulai tersebar di sana.

Al-Qur'an al-Karim telah mengangkat martabat bahasa Arab dan telah memberi kesan yang mendalam terhadap pembangunan bahasa tersebut. Umat Islam bertanggungjawab mempelajari bahasa Arab supaya dapat memahami Islam dan ajarannya dengan baik dan betul.

Dengan menguasai bahasa ini, seseorang dapat mengambil manfaat dari hasil kajian dan penemuan-penemuan yang diperolehi oleh ulama-ulama Islam pada masa silam. Allah (s.w.t) telah menurunkan al-Qur'an al-Karim di dalam bahasa Arab yang bersifat menyeluruh iaitu meliputi kesemua aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi sehingga mereka dapat memahaminya dengan senang dan mudah.

Firman Allah (s.w.t) dalam surah Yu:suf ayat 2 :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Ertinya : “sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Qur’an dengan bahasa Arab agar kamu mamahaminya”.

Al-Qur’an al-Karim diturunkan dalam bahasa Arab. Orang-orang Arab terdiri daripada pelbagai kabilah dan setiap kabilah pula mempunyai dialek tertentu. Adalah menjadi sukar kepada mereka untuk mengubah sebutan yang pernah menjadi kebiasaan kepada mereka kepada sebutan yang lain. Oleh itu sesetengah kabilah menukar sebutan huruf-huruf tertentu supaya selari dengan kebiasaan mereka. Misalnya : (Fathî: Anwa:r ‘Abd al-Majid, 1997 : 48-62).

- a) Kabilah Tami:m, Qays dan Asad menukar huruf hamzat (ء) dengan huruf ‘ayn (ع). Mereka menyebut perkataan (أَنِّي) menjadi (عَنِّي).
- b) Kabilah Hudhayl menukar huruf ha:’ (ح) dengan huruf ‘ayn (ع). Mereka menyebut (حَلَّت) kepada (عَلَّت).
- c) Kabilah Quḍa:’aṭ menukar huruf si:n (س) dengan huruf ta:’ (ت). Mereka menyebut perkataan (النَّاس) kepada (النَّات).
- d) Kabilah Sa:’d bin Bakr, Hudhayl dan Al-Azd menukar huruf ‘ayn (ع) yang bertanda sukun dengan huruf nu:n (ن). Perkataan (تُعْطِي) menjadi (تُنْطِي).

Orang Arab yang terdiri daripada pelbagai kabilah dan dialek telah menghadapi masalah untuk menyebut semua huruf al-Qur’an al-Karim sepertimana yang diturunkan

dalam dialek Quraisy. Maka bagi orang bukan Arab (*'ajam*) tentulah lebih susah lagi termasuklah orang-orang di Malaysia yang tidak pernah mendengar dan menyebut huruf-huruf tersebut khususnya saudara baru.

Antara huruf Arab yang sukar disebut oleh orang bukan Arab ialah *ḍa:d* (ض), *ṭa:ʾ* (ط), *ṣa:d* (ص), *ẓa:ʾ* (ظ), *kha:ʾ* (خ), *ghayn* (غ), *ḥa:ʾ* (ح) dan *'ayn* (ع). Di samping itu juga ada sesetengah tidak tahu membezakan sebutan huruf seperti antara huruf *ṭa:ʾ* (ط) dengan *ta:ʾ* (ت), huruf *ḍa:d* (ض) dengan *da:l* (د), huruf *ṣa:d* (ص) dengan *si:n* (س), huruf *ẓa:y* (ذ) dengan *ẓa:ʾ* (ظ), huruf *ḥa:ʾ* (ح) dengan *ha:ʾ* (ه), huruf *hamzat* (ء) dengan *'ayn* (ع) dan huruf *ka:f* (ك) dengan *qa:f* (ق).

1.1 Pernyataan Masalah

Sepertimana yang kita ketahui setiap insan ciptaan Ilahi dianugerahkan keupayaan dan kebolehan bertutur yang tersendiri kecuali bagi golongan istimewa seperti orang bisu dan pekak. Pun begitu mereka dapat menggunakan “ *bahasa isyarat* ” yang mana bahasa ini sebagai pengganti ketika berkomunikasi dan berinteraksi.

Kebolehan bertutur bagi manusia melalui beberapa peringkat mengikut tahap-tahapnya, iaitu bermula daripada bayi kepada kanak-kanak dan seterusnya hingga menjadi dewasa. Kebolehan seorang bayi untuk menguasai bunyi berbeza antara satu sama lain. Interaksi dengan orang disekelilingnya akan mempengaruhi pemerolehan bunyi bahasanya. Lebih banyak interaksi yang dilakukan, lebih cepat pemerolehan bahasa seseorang bayi itu.

Ibu bapa harus memperkenalkan perkataan yang tepat bunyinya. Kegagalan bayi membunyikan perkataan dengan betul adalah perkara yang normal kerana ini ada kena mengena dengan sistem pertuturannya. Sistem pertuturan ini akan menjadi lebih mudah apabila anak-anak menjangkau umur yang lebih dewasa. Contohnya bunyi /s/ lebih sukar dibunyikan berbanding dengan bunyi /m/. Tetapi lama kelamaan anak ini akan mampu menuturkannya dengan tepat.

Begitu juga yang terjadi dalam masyarakat yang baru mendalami bahasa kedua. Mereka akan berdepan dengan pelbagai cabaran dan kesulitan dalam merealisasikan bahasa pertama kepada bahasa kedua. Ditambah pula dengan kebiasaan mereka menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa utama menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menutur dan menyebut bahasa baru lebih-lebih lagi bahasa Arab (al-Qur'an).

Penyebutan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim dalam kalangan saudara baru yang majoritinya berbangsa Cina, jelas kurang menepati makhraj dan mereka menghadapi kesukaran untuk menyebut sebutan dengan sempurna. Kelemahan ini dapat dilihat terutamanya dalam bacaan ketika solat, bertadarus al-Qur'an al-Karim dan sebagainya. Mereka tidak dapat lari dari pengaruh sebutan bahasa ibunda dan secara tidak langsung sebutan mereka menjadi pelat jika didengari.

Contoh bacaan mereka dalam solat penyebutan huruf *ta:*' (ط) pada (صِرَاطَ) didengari seperti sebutan huruf *ta:*' (ت) menjadi (صِرَاتِ الَّذِينَ). Begitu juga sebutan kalimah " الله " dalam (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dibaca *nipis* sedangkan sepatutnya dibaca *tebal*.

Walaupun begitu, masalah penyebutan dapat diatasi dan diperbaiki dari semasa ke semasa jika pelajar atau penutur tersebut mampu dan cuba berusaha memahami kedudukan makhraj huruf yang sebenarnya, dengan mengambil sedikit masa memandangkan mereka adalah saudara baru.

Permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam yang bukan berbangsa Arab, berpunca daripada organ-organ artikulasi seseorang itu yang telah dibiasakan sejak dari kecil lagi menutur huruf bahasa ibundanya.

Hasil daripada itu, organ artikulasi tadi terbentuk berdasarkan cara sebutan dialek bahasa ibunda. Pada waktu yang sama juga anggota pendengaran turut berperanan merakamkan sebutan itu sehingga ia dapat membezakan antara satu sebutan dengan sebutan yang lain. Tetapi apabila ia mendengar sebutan huruf bahasa yang lain (*bahasa asing*) yang tidak terdapat dalam bahasa ibundanya, ia akan membandingkan sebutan huruf tadi dengan huruf yang paling hampir yang terdapat dalam bahasa ibundanya.

Contohnya orang Melayu yang tidak pernah mendengar sebutan huruf *ḍa:d* (ض) dan *qa:f* (ق). Apabila ia mendengar sebutan kedua-dua huruf ini, seolah-olah ia mendengar sebutan huruf *da:l* (د) dan *ka:f* (ك), kerana kedua sebutan huruf tadi berdekatan dengan huruf *ḍa:d* (ض) dan *qa:f* (ق). Oleh itu perkataan (قُل) “*qul*” disebut kepada (كُل) “*kul*” dan disebut perkataan (الضَّالِّينَ) “*adḍalli:n* disebut (الدَّالِّينَ) “*adda:lli:n*”.

Kenapakah fenomena ini berlaku? Adakah benar penyebutan huruf al-Qur’an al-Karim sukar disebut sehingga menimbulkan masalah dalam kalangan saudara baru?

Bagi menjawab persoalan-persoalan ini, perlu dilakukan satu kajian lapangan yang dapat menunjukkan kepentingan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim yang betul adalah mengikut makhraj dan sifatnya. Dengan adanya kajian seperti ini, diharap akan memberi kesedaran tentang betapa pentingnya aspek-aspek berkaitan huruf al-Qur'an al-Karim perlu diketahui bagi mengelak masalah sebutan huruf daripada berlaku.

Dengan mengemukakan fakta-fakta dan maklumat-maklumat yang diperolehi, setelah dikaji dan dianalisis, diharap dapat menyelesaikan satu masalah yang dihadapi oleh saudara baru mengenai sebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Begitu juga, diharapkan agar dapat membantu saudara baru dalam pengajian al-Qur'an al-Karim melalui kaedah dan teknik mengecam, menyebut serta dapat membaca al-Qur'an al-Karim dengan betul sekaligus ianya sebagai garis panduan kepada tenaga pengajar yang berdepan dengan masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif-objektif berikut :

- Mengenal pasti sebutan huruf yang sukar disebut oleh saudara baru.
- Mengenal pasti permasalahan dan kesukaran penyebutan huruf di kalangan saudara baru dari pelbagai bangsa dan puncanya.
- Menilai strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang digunakan untuk saudara baru.

1.3 Soalan Kajian

1. Apakah huruf-huruf yang sukar disebut oleh kebanyakan saudara baru mengikut bangsa ?
2. Adakah terdapat perbezaan kesukaran penyebutan dalam kalangan mereka mengikut bangsa ?
3. Apakah pendekatan P&P yang digunakan serta sejauh manakah keberkesanannya.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dalam kalangan saudara baru ini penting dari beberapa aspek :

- a) Membantu pihak pentadbir atau tenaga pengajar dalam memperkenalkan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim.
- b) Memperkenalkan satu alternatif kepada pihak berwajib untuk mengenal pasti bahan atau sukatan pelajaran yang perlu disediakan untuk generasi akan datang.
- c) Memberi kesedaran kepada saudara baru tentang kepentingan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

- d) Membantu saudara baru membaca al-Qur'an al-Karim dengan betul, fasih dan bertajwid.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini adalah mengenai fonetik bahasa Arab. Penulis akan menyentuh aspek-aspek kajian fonetik yang merupakan salah satu cabang daripada bidang fonologi yang luas. Bidang fonetik merupakan bidang yang dikaji untuk mendapatkan bukti bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

Kajian masalah yang dihadapi oleh saudara baru dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim akan menyentuh tentang makhraj huruf, sifat-sifat huruf iaitu sifat-sifat berlawanan secara berpasangan seperti majhur lawan mahmus, kesalahan-kesalahan di dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu, masalah tidak tahu sebutan yang betul, masalah tersalah ingat / tersalah sebut, masalah sukar hendak menyebut dan masalah tidak boleh menyebut juga merupakan di antara aspek-aspek yang dikaji berdasarkan tinjauan kajian yang telah dibuat oleh penulis.

Bagi melihat masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim, hasil dapatan data responden akan dibawa. Hasil dapatan kajian akan disokong dengan contoh-contoh ayat-ayat al-Qur'an al-Karim, hadith Nabi Muhammad (s.a.w) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sampel kajian terdiri daripada 30 orang saudara baru di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Pulau Pinang. Mereka dipilih dari pelbagai bangsa dalam lingkungan usia 30 hingga 40 tahun dan tumpuan kajian adalah kepada saudara baru yang berbangsa Cina.

Kelas pengajian di PERKIM terdiri dari 25 orang pelajar. 15 orang pelajar adalah berumur di antara 30 – 40 tahun dan 10 orang pelajar adalah berumur di antara 25-29 tahun. Oleh kerana kelas pengajian al-Qur'an al-Karim di PERKIM terdiri daripada sebilangan pelajar yang sudah berumur di antara 30-40 tahun, maka penulis merasakan perlu melihat kepada faktor keluarga.

Jenis dan lokasi tempat pengajian, pengalaman belajar pelajar serta purata saiz kelas adalah seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1: Kedudukan Dan Kumpulan Pelajar

Bil	Kedudukan	Kumpulan
1	Jenis tempat	Kelas
2	Lokasi Tempat Tinggal	Bandar Luar bandar Pinggir bandar
3	Bilangan tahun belajar di kelas.	20-29 30-40
4	Purata saiz kelas mengikut bilangan pelajar.	10-20 orang 30 orang

Lebih daripada 50 peratus guru mempunyai pengalaman mengajar yang kurang dari 10 tahun. Purata saiz kelas adalah agak kecil iaitu 5 kelas yang dikaji, didapati 3 kelas mempunyai bilangan pelajar yang kurang daripada 30 orang. Kebanyakan pelajar tinggal di bandar.

1.6 Metodologi Kajian

Tajuk yang dipilih untuk kajian ini ialah penyebutan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim dan penggunaannya sama ada dalam perkataan mahu pun ayat. Penyebutan huruf merupakan asas dalam pembelajaran al-Qur'an al-Karim. Aspek mengenal dan menutur huruf-huruf merupakan faktor utama bagi mencapai kefasihan dan kelancaran bahasa untuk terus menepati maksud sebenar.

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini lebih tertumpu kepada penyelidikan lapangan. Bagi memenuhi keperluan kajian, kaedah pengumpulan data yang dijalankan adalah secara kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif bermaksud data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen, artikel-artikel yang diperolehi daripada buku-buku, majalah, jurnal, risalah, akhbar, internet dan lain-lain sumber yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk kajian akan digunakan sama ada dalam teks Melayu, Inggeris mahupun Arab. Bahan-bahan bercetak juga dimuatkan dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi bukti kajian.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini penulis akan cuba membawa pembaca kepada beberapa masalah penyebutan huruf al-Quran al-Karim yang dihadapi oleh saudara baru yang terdapat di Malaysia ini. Apakah faktor-faktor kesulitan dalam

penyebutan huruf-huruf Arab (al-Qur'an) dan cara mereka mengatasi serta memperbaikinya. Juga memanfaatkan penggunaan bahasa kedua untuk diubah-suai serta dapat diaplikasikan dalam kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang digunakan dalam pelajaran saudara baru akan kita lihat dalam bab-bab yang akan datang.

Tumpuan kajian ialah mengenai masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim terhadap prestasi dan sikap dalam pembelajaran bahasa al-Qur'an al-Karim berasaskan pengajaran dan strategi raptian serta teknik pengajaran guru. Penilaian dibuat berdasarkan ujian, soal selidik, temu bual dan pemantauan penulis terhadap pelajar bagi mengetahui masalah-masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim yang dihadapi oleh pelajar berasaskan pembelajaran atau pengajaran.

Pada asasnya kajian ini merupakan pengumpulan bahan-bahan bertulis hasil daripada pemantauan, pendapat para linguis dan perbincangan mereka dalam bidang pembelajaran bahasa. Secara umumnya kajian ini boleh diklasifikasikan kepada dua peringkat iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Penulis akan menyentuh sedikit sebanyak tentang kajian perpustakaan manakala lebih terperinci kepada kajian lapangan yang merupakan kajian penulis bagi disertasi ini.

Bagi kajian perpustakaan, penulis cuba memperolehi maklumat-maklumat dan idea-idea berdasarkan rujukan-rujukan terperinci tentang penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Penulis mengumpul dan membincangkan kriteria-kriteria seseorang dalam penyebutan dan pembacaan al-Qur'an al-Karim serta faktor-faktor kesukaran yang dihadapi oleh responden.

Kajian lapangan yang melibatkan jangka masa tertentu bagi memperolehi data-data yang berhubung dengan masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim di kalangan saudara baru dibuat berdasarkan pengumpulan data-data mentah dan kemudian diproses bagi menepati objektif kajian akan terlaksana.

Kajian lapangan ini akan dijalankan dengan menggunakan beberapa instrumen iaitu seperti :

- Soal selidik untuk guru dan pelajar.
- Temu bual untuk guru dan pelajar.
- Pemerhatian dan pemantauan terhadap guru dan pelajar.

Hasil pemantauan, pengamatan dan penglibatan penulis sendiri dalam usaha membantu mencungkil dan mengenal pasti punca sebenar masalah yang dihadapi oleh responden akan dimuatkan dalam kajian ini bagi memenuhi keperluan generasi akan datang. Justeru itu penulis juga akan cuba menangani dan membaik pulih serta menyatakan cadangan melalui pembacaan, penglibatan dan perbincangan bagi mencapai objektif kajian ini.

Hasil daripada itu satu rumusan dan kesimpulan akan dikemukakan berhubung dengan topik kajian ini.

Data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu :

- Latar belakang responden.
- Satu soalan berstruktur yang memerlukan pelajar menyatakan masalah dan sebab mengapa mereka menghadapi masalah kesukaran dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim.
- Beberapa item positif dan negatif untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap teknik pengajaran.
- Beberapa soalan untuk mengetahui stail dan minat pelajar supaya tidak menghadapi masalah dalam pelajaran.

Bahan-bahan pengajaran disediakan berteraskan latar belakang subjek yang terdiri dari pelbagai bangsa dalam lingkungan usia yang berbeza. Antara unsur-unsur bahan tersebut seperti :

- Mengenal pasti matlamat pengajaran dan pembelajaran.
- Mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran asas.
- Menyediakan strategi pengajaran.
- Menyediakan objektif pengajaran.
- Menyediakan ujian kriteria.
- Menyediakan bahan-bahan pengajaran.

Pada akhir kajian lapangan ini diedarkan borang soal selidik untuk menilai sikap dan keyakinan pelajar terhadap pembelajaran al-Qur'an al-Karim.

Bagi ujian kemahiran tilawah al-Qur'an al-Karim, subjek dikumpul di sebuah bilik. Ujian dijalankan secara lisan dan tulisan. Ujian lisan mengambil masa selama 30 minit dan ujian tulisan mengambil masa selama 1 jam bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan mantap.

Selepas melalui ujian, subjek diberi soal-selidik berkaitan dengan pemboleh ubah yang dikaji untuk dijawab dalam masa 1 jam. Keseluruhan tugas menjawab kedua-dua ujian dan soal selidik ini dijangka mengambil masa 2 jam 30 minit.

Justeru, di sini dapat dirumuskan dua kemahiran yang saling berkait rapat antara satu dengan yang lain bagi mencapai proses pembelajaran. Pertama ialah kemahiran mendengar iaitu merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti, memahami perkara yang di dengar dan memberi maklum balas dalam pelbagai situasi pengucapan. Kedua ialah kemahiran bertutur yang merujuk kepada keupayaan pelajar menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan intonasi yang betul.

Dari pengamatan terhadap data yang terkumpul serta analisis yang dilakukan, kesimpulan bagi keseluruhan kajian dihasilkan. Seterusnya data-data serta kesimpulan tersebut disusun dalam bab yang khusus.

1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Penulis mendapati kajian-kajian sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada penyebutan bahasa Arab, bunyi-bunyi bahasa al-Qur'an al-Karim dan penggunaannya dalam kaedah pengajaran bahasa Arab.

Masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dalam kalangan saudara baru merupakan tajuk baru yang diadaptasikan dari bahan-bahan yang telah sedia ada dan yang telah diguna pakai oleh para linguis sebelum ini. Penulis cuba mengambil inisiatif baru bagi mengolah dan merealisasikan dalam kajian lapangan yang akan mencungkil dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh saudara baru di Malaysia dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

Terdapat juga kajian yang menumpukan kepada penyebutan huruf al-Qur'an seperti disertasi sarjana bertajuk “ *Struktur Bunyi Bahasa al-Qur'an Dan Kaedah Tilawahnya Mengikut Riwayat Hafas, Qalun, Warash Dan Duri* ” oleh Makhtar bin Haji Musa (1995). Disertasi beliau banyak membincangkan tentang penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim kepada tujuh huruf dan sebutan dalam kalangan dialek Arab.

1.8 Rangka Kajian

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab. Setiap bab akan dibahagikan mengikut huraian-huraian yang lebih terperinci.

Bab pertama menjelaskan tentang pengenalan tajuk, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian berkaitan, batasan kajian, bidang kajian dan metodologi penyelidikan.

Perbincangan mengenai pemerian makhraj huruf, akan disentuh dalam bab kedua. Bab ini akan memaparkan tentang daerah artikulasi huruf konsonan, vokal dan sifat-sifat huruf serta langkah meringankan sebutan turut dinyatakan.

Dalam bab yang ketiga penumpuan diberikan kepada pengenalan saudara baru dan PERKIM sebagai sebuah NGO bergerak membantu dan menyelenggarakan pengislaman saudara baru yang bermula dari mereka mengucap dua kalimat shahadat sehingga mereka pergi menemui Allah (s.w.t) Penulis juga akan memanfaatkan penggunaan bahasa kedua untuk diubah suai serta dapat diaplikasikan dalam kaedah P&P yang digunakan di PERKIM sebagai satu pengamatan, pendekatan dan tinjauan. Selain itu, aspek-aspek kesukaran dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim juga turut disentuh bagi menjelaskan keadaan sebenar responden ketika belajar al-Qur'an al-Karim.

Dalam bab keempat, dinyatakan analisis data di mana penulis menghuraikan bagaimana data dikumpul, dianalisis dan diinterpretasikan mengikut objektif kajian. Analisis data soal selidik, temu bual, pemerhatian dan ujian juga diperincikan dalam bab ini. Data ini juga akan dianalisis menggunakan perisian SPSS PC Versi 10 di samping penggunaan kaedah min, mod dan peratusan.

Akhirnya dalam bab kelima penulis akan membuat rumusan dan cadangan hasil dari dapatan kajian dan pengumpulan data akan dirumuskan. Cadangan dan saranan yang perlu akan diketengahkan bagi memantapkan lagi penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim khususnya dalam penggunaan P&P bagi pelajar bahasa Arab.

Hasil pemantauan, pengamatan dan penglibatan penulis sendiri dalam usaha membantu mencungkil dan mengenal pasti punca sebenar masalah yang dihadapi oleh responden akan dimuatkan dalam kajian ini bagi memenuhi keperluan generasi akan datang. Justeru itu penulis juga akan cuba menangani dan membaik pulih serta menyatakan cadangan melalui pembacaan, penglibatan dan perbincangan bagi mencapai objektif kajian ini.